WORLDVIEW MEMBINA PEMBANGUNAN SOSIAL DALAM KOTA KE KOTA

SOCIAL DEVELOPMENT BY WORLDVIEW IN KOTA KE KOTA

Azhar Hj. Wahid Fakulti Bahasa dan Komunkasi Universiti Pendidikan Sultan Idris email: azhar@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Penulisan artikel ini menggarap persoalan tentang nilai worldview yang membina pembangunan sosial dalam kumpulan cerpen Kota ke Kota karya Sasterawan Negara Abdullah Hussain. Daripada penelitian ini didapati Abdullah Hussain berusaha menampilkan nilai-nilai positif dan jati diri kepengarangannya yang mempunyai worldview terhadap membina pembangunan sosial masyarakat yang mengalami perubahan tradisi budaya, transisi dan moden. Nilai-nilai sosial itu dipupuk bukan sahaja untuk mengisi keperluan secara luaran dalam kedudukan seseorang dalam masyarakat. Tetapi yang pentingnya nilai-nilai itu dibina secara dalaman, yang timbul dari rasa ikhlas dan kemurnian hati. Ini diperkukuhkan berlandaskan kepada kehendak-kehendak agama yang merupakan pembinaan secara dalaman seperti yang ditemui dalam kumpulan cerpen Kota ke Kota. Islam merupakan asas penting kepada pembentukan nilai dan norma masyarakat Melayu dan menentukan penghidupan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Melalui pengalaman dan penyesuaian dengan alam sekitar, nilai dan world-view masyarakat Melayu terangkum dalam satu keseluruhan penghidupan mereka.

Kata Kunci: Nilai, Pembangunan, Sosial, Norma, Tradisi

ABSTRACT

The writing of this article resolve questions about the worldview value that builds social development in a collection of Kota ke Kota literary masterpiece by Abdullah Hussain. From this study, Abdullah Hussain strives to showcase his positive values and his authorship that has a worldview towards building social development of the people who undergo cultural, transitional and modern cultural changes. Social values are nurtured not only to fill the needs of external ones in a society. But the importance of these values is built internally, arising from sincerity and purity of the heart. This is reinforced in accordance with the religious needs of interior construction as found in a collection of Kota ke Kota. Islam is an essential foundation for the formation of values and norms of the Malay community and to determine the livelihood of the Malay community since then. Through experience and adaptation to the environment, the value and the world-view of the Malay community are summarized in a whole of their lives.

Keywords: Value, development, social, norm, tradition

PENGENALAN

Kota ke Kota merupakan kumpulan cerpen pertama karya Sasterawan Negara Abdullah Hussain, terkandung 15 buah cerpen yang merakamkan pelbagai cerita dan peristiwa kehidupan masyarakat pelbagai kaum dan budaya. Pada umumnya garapan kreativitinya dicipta berdasarkan pengalaman dan pemerhatian beliau terhadap peristiwa dalam mengisi kemerdekaan yang berlaku di sekelilingnya. Daripada penelitian awal terhadap antologi Kota ke Kota ini, Abdullah Hussain berusaha menampilkan nilai-nilai positif dan jati diri

kepengarangannya yang mempunyai worldview membina pembangunan sosial masyarakat. Ini dapat dilihat dalam beberapa cerpennya, iaitu "Satu Dilema, Pertemuan di Tjiandjur, Pertemuan di Kuncing, Pertemuan di Kota Kinabalu, Babun, Pertemuan di Kota Bharu, Pertemuan di Kuala Terengganu, Pengemis dan Anjing, Diri yang Hilang, Ulang Tahun Ke-30 dan Bertemu dalam Kehilangan".

Worldview atau pandangan dunia ini boleh dijelaskan sebagai sikap dan pendirian hidup, atau keseluruhan idea, seseorang atau sesuatu kumpulan terhadap dunia luar atau alam sejagatnya. Dalam pandangan dunia terkandung nilai-nilai kerohanian dan kebendaan yang membentuk imej mental dan perlakuannya ketika berhubung dengan alam sekelilingnya. Kepengarangan Abdullah Hussain sering menjadikan sosiobudaya masyarakatnya yang mengalami perubahan tradisi budaya, transisi dan moden dalam garapan penulisan kreatifnya. Perubahan-perubahan itu sendiri merupakan ekspresi antogonisme kelas hingga membawa kepada kesedaran kelas yang mendorong kepada kesedaran untuk memperjuangkan kelas kelompok mereka. Pandangan dunia ini beroperasi bukan sekadar mentaksir dan menilai, tetapi juga menentukan visi dalam kehidupan bagi memperteguh pembangunan sosial masyarakat. Sesungguhnya, ini dapat dikaitkan sebagaimana menurut Goldmann (1980 : 112) seseorang pengarang cuba memperlihatkan karya-karya itu merupakan kesedaran kelompok di mana pengarangnya berada sebagai salah seorang dari anggota sosial dalam kelompok sosialnya.

Worldview Membina Pembangunan Sosial

Pernyataan Abdullah Hussain dalam antologi *Kota ke Kota* yang dikatakan cuba merakamkan persoalan-persoalan sebagai makhluk Allah yang sentiasa dihantui oleh nafsu dan sedikit sekali diantara kita yang berjaya mengatasinya. Walaupun pernyataan ini amat sederhana tetapi menurut Fatimah Busu (2008), pernyataan itu mengandungi kejujuran yang luar biasa daripada seorang sasterawan tentang proses penciptaannya. Daripada kalimat itu tersimpul motif pengkaryaan Abdullah Hussain dalam antologi atau koleksi yang mengandungi 15 buah cerpen itu yang memperlihatkan pertarungan batin manusia dengan alam, dengan manusia, dengan nifsi, dengan kedirian dan dengan keanehannya dalam usaha untuk menegakkan "amal makruf nahi mungkar", sambil itu melihat manusia dengan peristiwa dan *survival*nya dan pencerita dengan kenang-kenangannya (Zeti Aktar Jaafar, 2008: 344). Natijahnya, untuk membolehkan manusia memainkan peranannya mentadbir bumi Allah s.w.t. dalam lingkungan tugasnya sebagai khalifah, mereka mestilah membangunkan diri dan melengkapkannya dengan pelbagai keupayaan. Oleh kerana memahami, menyusun dan mengolah kembali alam ini, tidak dapat dilakukan melainkan dengan ilmu, maka manusia mestilah melengkapkan dirinya dengan ilmu pengetahuan dan seterusnya membawa kepada pembangunan sosial masyarakat.

Oleh yang demikian, persoalan-persoalan yang terangkum dalam *Kota ke Kota* memberi gambaran membina pemikiran Abdullah Hussain yang mempunyai *worldview* pembangunan sosial dalam masyarakat yang berbagai kaum. Pembangunan sosial merupakan suatu proses pembangunan yang memberi penekanan kepada pembangunan manusia dan sistem sosialnya. Ia berhubung kait dengan dasar, program dan aktiviti yang menjurus kepada pengisian nilai dan pembangunan budaya yang dapat mempertingkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat. Ini dapat dilihat dalam beberapa cerpen antologi *Kota ke Kota* terutamanya yang berhubungkait dengan persoalan dan nilai-nilai sosial yang digarap oleh pengarang daripada pemerhatian dan pengalamannya sendiri. Nilai-nilai sejagat dalam pembangunan sosial masyarakat, antaranya menghormati hak asasi manusia, menentang pemerasan dan penindasan sesama manusia, cintakan keadilan, berperikemanusiaan, menghormati pemimpin yang jujur serta cintakan keamanan dan perdamaian. Begitu juga

dengan sifat-sifat jujur, amanah, menghormati ibu bapa, orang tua dan orang berilmu, sanggup berkorban untuk negara, berjuang menegakkan kebenaran, cekap, rajin bekerja dan sebagainya, adalah di antara nilai-nilai umum yang dihormati dan dikongsi bersama oleh anggota-anggota dari semua kumpulan etnik. Dengan menekankan dan mengamalkan nilai-nilai sejagat dan mengelakkan penerapan nilai-nilai yang berkonflik akan memudahkan usaha memupuk persefahaman dan perpaduan dalam kalangan rakyat yang berlainan etnik. Interaksi antara manusia juga boleh merapatkan hubungan sesama manusia sekaligus mampu mewujudkan perpaduan yang sebahagian daripada nilai-nilai tersebut digambarkan dalam antologi *Kota ke Kota*.

Cerpen	Persoalan Sosial
	Masalah memilih pasangan hidup antara 2
Satu Dilema	pemuda bersahabat
	Bapa yang hidup susah di kampong
Ingin Melihat Rambut	mengharapkan anaknya balik dan membawa
Menantu	isterinya orang putih
	Pertemuan di Pekan Tjiandjur yang
Pertemuan di Tjiandjur	mengingatkan ketika berjuang kemerdekaan
	Indonesia
	Pasangan yang terlibat dengan kegiatan
Pertemuan di Kuching	komunis di Sarawak
D (1'	Mencari kawan se kampong yang membawa
Pertemuan di	diri ke Tamparuli dan diikuti oleh kekasihnya
KotaKinabalu	D 11
NI	Perlakuan yang mementingkan diri sendiri
Nonsen	dan menindas orang lain
Babun	Masalah mencari kerja dan akhirnya sanggup
Dabuii	menjadi babun Sarkas Kehidupan penarik beca yang amat
Pertemuan di Kota Bharu	Kehidupan penarik beca yang amat mengharapkan kejayaan anaknya tetapi
reiteiliuali di Kota Bilaru	terbunuh dilanggar oleh anaknya sendiri
Nenek, Berikan Aku	Mencari ilham untuk menulis cerpen di atas
Ilham	perkuburan
Pertemuan di Kuala	Kehidupan pereka batik dan perebutan gadis
Terengganu	pilihan dalam cinta tiga segi
	Kesibukan dengan pelakuan anak-anak
Surat	menganggu untuk menulis surat kepada
	sahabat penulis.
Pengemis dan Anjing	Kehidupan pengemis di Kuala Lumpur yang
	berebut kawasan untuk mengemis
Dirinya yang Hilang	Perlakuan golongan elit Melayu yang tidak
	mahu berpakaian kebangsaan di majlis rasmi
Ulang Tahun Ke-30	Kehidupan hipokrit seorang pegawai tinggi
	dan mempunyai kekasih di luar
Bertemu dalam	Pertemuan dengan kekasih yang ditinggalkan
Kehilangan	selama 25 tahun yang kehilangan suami dan
	mempunyai anak.

Di samping itu, bagi setiap masyarakat mewarisi tradisi budayanya yang telah menjadi kelaziman bagi anggota masyarakat menganggap budaya mereka adalah yang paling baik dan bersesuaian berbanding dengan masyarakat dan budaya lain. Nilai-nilai yang memandang tinggi budaya sendiri sentiasa dipupuk kepada anggota masyarakat dari satu generasi kepada satu generasi, sebagai sesuatu yang penting bagi mereka mempertahankan identiti bangsa dan negara. Oleh yang demikian, berasaskan usaha orang Melayu membina identiti dan imej, dapat difahami tentang aliran pemikiran, nilai dan world-view mereka. Mereka membina identiti tidak secara sewenang-wenang, melainkan terlebih dahulu berusaha mereka memahami kedudukan dan keturunan bangsa dan individu-individu dalam alam yang luas itu. Melalui gambaran identiti dan imej tentang diri mereka serta keturunan mereka, dapat pula difahami alam falsafah dalam mereka menyusun dan membina budaya (Yaacob Harun, 2001: 507). Persoalan-persoalan inilah yang dijadikan sebagai landasan dalam Kota ke Kota yang dapat membina pemikiran worldview Abdullah Hussain terhadap pembangunan sosial dalam masyarakat. Namun tidak semua cerpen tersebut dianalisis untuk melihat pandangan dunia Abdullah Hussain sebagai pengarang yang mewakili kelompok sosial masyarakat yang diwakilinya.

Daripada 15 buah cerpen dalam antologi Kota ke Kota, terdapat 6 yang merakamkan siri pertemuan yang berlaku di lima buah latar tempat dan latar masa yang berbeza iaitu pertemuan di Tjiandjur, pertemuan di Kuching, pertemuan di Kota Kinabalu, pertemuan di Kota Bharu, pertemuan di Kuala Terengganu dan bertemu dalam kehilangan. Daripada cerpen-cerpen tersebut, Abdullah Hussain memperlihatkan bertapa akrabnya diri pencerita dengan watak yang ditampilkan. Setiap watak kelihatan mempunyai pertalian yang langsung dengan pencerita, dan ini dapat memberi gambaran pemikiran worldview pengarang yang jelas dalam pengolahan persoalan yang disampaikan. Ini bertepatan dengan tanggapan Goldmann, bahawa seseorang individu tidak mungkin mempunyai pandangan dunianya (world view) sendiri tetapi wujud pada sesuatu kelompok sosial. Pandangan ini bukan realiti, ia hanya dapat dinyatakan dalam bentuk lahirnya oleh seseorang dengan membawa ke tingkat kepaduan yang tinggi dalam bentuk ciptaan yang imaginatif atau fikiran yang konseptual. Goldmann menekankan kepada aspek keseluruhan dari satu struktur sosial yang merangkumi perilaku anggota masyarakat, perekonomian. Kedudukan kelas masyarakat, sistem politik, konflik dan sebagainya. Setiap aspek ini akan sentiasa berhubungkait antara sama sama lain secara langsung dalam kontek sebab dan akibat (George Watson, 1979: 71).

Dalam beberapa cerpen *Kota ke Kota* terangkum rakaman pelbagai masalah kemanusiaan seperti "Pertemuan di Kota Bharu", memperhalkan masalah kehidupan seorang penarik beca yang amat mengharapkan kejayaan anaknya dalam kehidupan dan kerjaya tetapi telah terbunuh kerana dilanggar oleh anaknya sendiri yang sedang memandu kereta Alfa Romeo pemberian bapa teman wanitanya.

"......Ghani mahu melampaui sebuah beca yang sedang menurunkan penumpang di sebelah jalan, ketika dia tanpa sedar telah menyondol sebuah beca lain yang datang dari depan di sebelah kanan. Penarik beca itu terlambung ke atas bonet motorkarnya dan kemudian jatuh di sebelah." ".....Ghani terus melarikan motokarnya. Dia melihat tubuh terbujur di atas bonetnya. Dia melihat bapanya. Dia melihat ibunya. Faridah. Datuk Malik. Bilik 10 x 10 kaki. Rosnah. Faridah. Ibunya. Bapanya. Deris. Mat Keling. Tubuh itu ada lagi di atas bonet. Tubuh itu jatuh terhempap. Sebuah beca yang cantik telah remuk di dalam parit dan sebuah badan terbujur tak jauh daripadanya". "Celaka betul orang yang melanggarnya!" Sumpah seorang penonton yang tak dapat menahan perasaan

amarahnya. Baru saja anaknya mencarinya, kata Deris yang baru sampai di tepi parit itu setelah bersusah payah menyusup di celah-celah tubuh yang berkerumun itu....."

Cerpen ini kaya dengan limpahan perasaan kemanusiaan dan mengundang daya fikiran pembaca yang antara lain menekankan perlunya seorang anak yang berjaya dalam pengajian di menara gading mengetahui asal usulnya dan tidak lupa daratan apabila sudah berjaya. Ini membawa kepada worldview pengarang membina pembangunan sosial yang bertitik tolak daripada potensi fitrah manusia yang perlu ditonjolkan supaya berkembang menuju pembangunan dan bukan membawa keruntuhan akal budi. Sikap keinginan dan perasaannya mestilah dikembangkan berasaskan kepada nilai-nilai murni dan dibangunkan mengikut acuan yang sesuai dengan tuntutan pembangunan menuju kesempurnaan insaniah dan kemanusiaan.

Begitu juga dalam cerpen "Pertemuan di Kota Kinabalu", aku disuruh oleh Hakim untuk mencari Taufik yang telah lama meninggalkan ibunya di kampong. Akhirnya dengan pertolongan sahabatnya Nora yang merupakan ahli Badan Bahasa telah menjumpai Taufik yang memiliki sebuah kebun pemberian seorang tuan kebun yang disukainya selama dalam pelarian. Dalam kecelaruan hidup Taufik, bermula orang yang dicintainya Habsah dipaksa berkahwin dengan orang lain menyebabkan Taufik melarikan diri dan meninggalkan ibunya keseorangan di kampong. Habsah turut melarikan diri daripada suaminya dan tinggal bersama Taufik tanpa nikah di Kota Kinabalu;

"Kami berhenti di depan sebuah rumah papan yang sederhana besarnya. Tinggi dari tanah seperti kebanyakan rumah di Sabah. Seorang lelaki berlari-lari turun dari tangga, menuju ke motokar. Aku tahu itu Taufik walaupun dia takkan dapat kukenali kalau bertemu di jalanan. Badannya berisi, tegap. Kulitnya yang putih itu telah hitam kemerah-merahan. Rambut di bahagian depan kepalanya sudah tidak ada. Berkilat saja kulit kepalanya. Mukanya bersri-seri dan anak matanya jernih......Anwar? katanya sambil menghulurkan tangannya ketika aku keluar dari motokar." "......Aku membawa salam dari ibumu, kataku kemudian ketika kami berhenti lelah di atas sebatang kelapa condong. Mukanya kulihat berubah seketika lamanya. Dia sekarang sakit berat, sudah seminggu di rumah sakit." "......Habsah! Aku hamper memekik. Orang yang kusapakan Habsah itu hanya tersenyum-senyum saja. Seperti disengajakan."?

Sepintas lalu, dalam cerpen ini digambarkan oleh pengarang bahawa masih terdapat cinta yang tidak mementingkan nafsu. Walaupun Taufik dan Habsah tinggal serumah tetapi mereka berasingan bilik selama 15 tahun, sehinggalan aku memberitahu bahawa sepeninggalan Habsah dua tahun, suaminya menceraikannya dan berkahwin lain. Namun demikian, disebalik gambaran nostalgia itu terconteng kebaculan perilaku seorang anak yang mengabaikan tanggungajawab kepada ibunya yang tua dan uzur sehingga sanggup meninggalkannya berpuluh tahun semata-mata mencintai serang wanita.

Manakala cerpen "Pertemuan di Kuching", dikatakan berkait rapat dengan pengalaman sebenar pengarang dalam kunjungan kali pertama ke Sarawak yang ketika itu masih di bawah ancaman pengganas komunis. Keganasan komunis menyebabkan ramai orang awam yang terkorban. Keadaan menjadi lebih tragis lagi apabila ada orang awam yang menjadi tali barut pengganas komunis dan menyelinap ke tengah masyarakat dan berkahwin dengan jejaka yang berlainan ideologi. Persoalan yang digambarkan dengan kekusutan perjuangan bawah tanah, jenayah, kemelaratan dan kemerempatan hidup adalah fenomena sosial yang berlarut-larut. Mereka yang tergelincir, terus terperangkap dan tidak akan dapat bangkit untuk kali kedua. Mona dan Peter adalah penjenayah, dan terperangkap lam konflik kehidupan Peter dan Mona, akhirnya menjadi wira membantu polis menghapuskan Peter dan mengambil Mona dari tahanan. Namun

kewiraan Jalal terpaksa tergadai dengan maruah yang hina dengan penglibatan isterinya yang tidak pernah terduga turut terlibat dengan jenayah Peter dan Mona.

Dalam cerpen "Pertemuan di Tjiandjur" pula menemukan pejuang zaman revolusi kemerdekaan Indonesia. Persinggahan di Pekan Tjiandjur mengingatkan kembali "aku" dengan perjuangan kemerdekaan Indonesia yang pernah diikuti sekitar tahun 1945. Aku bertemu dengan teman istimewa, Kapten Rohana yang sama-sama satu briged dalam angkatan tentera. Berpuluh tahun lamanya baharu mereka berjumpa dalam suasana yang membawa kembali keindahan kenangan manis melalui gambar-gambar yang terletak di ruang tamu.

"Pertemuan itu rasanya terlalu singkat, tak sepadan dengan perpisahan yang begitu lama. Tetapi salah seorang di antara kami mesti cuba menghentikannya sampai di situ saja. Walaupun kami lama tidak bertemu dan banyak perkara yang mahu diceritakan, namun antara kami sekarang ada satu tembok yang memisahkan, tembok masa yang telah membuat kami menjadi tua, menjadi lebih berhati-hati." "......Kemesraan memang ada, tetapi kemesraan itu agak tawar, sudah bertukar corak. Bukan kemesraan yang biasa kami rasai dulu. Rasa-rasanya ada sesuatu yang hilang..... Masa dan tempat tinggal, dimensi dan ruang yang berlainan itu rupa-rupanya telah membentuk kami menjadi asing"

Namun sepertimana lumrah alam, pertemuan itu hanyalah laluan insan dalam perjalanan hidupnya. Hakikatnya, oleh kerana manusia itu sebahagian daripada alam, maka pembangunan alam mestilah selari dengan pembangunan manusia. Kepincangan akan berlaku sekiranya pembangunan alam tidak selari dengan pembangunan manusia. Manusia yang membangun ialah manusia bertamadun yang mempunyai tinggi daya pemikirannya, teratur dan tersusun kelakuannya, berbudi bahasa, berjiwa maju serta hidup beradab dan bersistem.

Manusia yang bertamadun juga merupakan manusia yang seimbang dan jauh pandangannya. Jangkauan pandangannya tidak hanya sekadar di dunia tetapi juga di akhirat, begitulah sebaliknya. Mengimbangi kehidupan duniawi dan uhkrawi adalah sifat manusia yang bertamadun. Ini kerana pandangan yang seimbang akan melahirkan manusia yang tidak rakus di dunia dan tidak pula pasif dan beku. Ia akan bersifat sederhana, tidak melampau dan tidak jumud. Kesederhanaan adalah lambang keharmonian perasaan dan menjadi tanda kesejahteraan.

Ini digambarkan dalam cerpen "Pertemuan di Kuala Terengganu" yang menemukan seorang pereka batik Kuala Terengganu iaitu Bakri. Disebabkan terlibat dalam cinta tiga segi antara anak gadis tauke batik dengan pekerja, akhirnya dalam pergaduhan sengit, Bakri tercedera teruk di bahagian muka dan terus menghilangkan diri. Aku dapat menjejak Bakri di Jertih walaupun tidak bersemuka dengannya setelah beliau dapat mengecam kain batik corak rekaan Bakri.

"Waktu aku melangkah masuk ke dalam kedai itu, mataku melotot melihat koleksinya. Aku benar-benar terpesona melihat koleksi yang begitu indah dan mengagumkan, sehingga waktu tuan punyai kedai itu bertanya aku tidak menjawab, sebenarnya aku tidak dengar.".... "Siapa yang mendesignnya? Aku bertanya untuk memuaskan inkuisitifku.".... "Penderitaan ini membuat saya melahirkan lukisan-lukisan ini. Kudengar suara dari kain-kain yang bergantung itu. Inilah hasil karyaku setelah aku menerima penyeksaan."

Sesungguhnya, cerpen ini memberi fokus kepada seorang ahli seni batik yang hanya mendapat populariti di daerahnya sahaja di Kuala Terengganu. Batik-batik yang direkanya mempunyai nilai seni yang bermutu tinggi. Namun demikian, melalui cerpen ini sebenarnya Abdullah Hussain cuba mengangkat ketokohan tukang batik yang tidak pernah mendapat

sanjungan dan memberi pengiktirafan sebagai seniman tulen yang mempunyai ketinggian ilmu pengetahuan dalam bidang kepakarannya.

Di samping itu, dalam membina *worldview* pembangunan sosial di kalangan orang Melayu yang berlandaskan kepada penghidupan tradisi, amat menekankan kepada hubungan sosial. Bagi mengisi kehendak-kehendak sosial, seseorang itu perlu membina perlakuan yang bersesuaian dengan nilai-nilai yang dipupuk oleh anggota-anggotanya. Namun demikian, pembangunan sosial itu dibina berasaskan kepada prinsip-prinsip kepercayaan dan keagamaan (Wan Abdul Kadir, 1994: 196). Semua perlakuan yang ditentukan nilai-nilai sosial itu dipupuk bukan sahaja untuk mengisi keperluan secara luaran dalam kedudukan seseorang dalam masyarakat. Tetapi yang pentingnya nilai-nilai itu dibina secara dalaman, yang timbul dari rasa ikhlas dan kemurnian hati. Ini pula diperkukuhkan berlandaskan kepada kehendak-kehendak agama yang merupakan pembinaan secara dalaman. Islam merupakan asas penting kepada pembentukan nilai dan norma masyarakat Melayu dan menentukan penghidupan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Melalui pengalaman dan penyesuaian dengan alam sekitar, nilai dan *world-view* masyarakat Melayu terangkum dalam satu keseluruhan penghidupan mereka.

Dalam proses pembangunan negara, aspek agama tidak boleh dikesampingkan. Dalam perspektif perkembangan tamadun, manusia yang mempunyai kepercayaan beragama mempunyai sumbangan yang besar terhadap tamadun manusia. Bagi negara Malaysia, kebebasan beragama telah dimaktubkan dalam perlembagaan. Agama Islam telah dijadikan agama rasmi Persekutuan. Justeru itu, dalam kehidupan bermasyarakat dan berbudaya, ajaran-ajaran dan nilai-nilai agama dipegang kuat serta diamalkan. Nilai-nilai Islam boleh diringkaskan kepada prinsip umum, iaitu mengamalkan segala kebaikan dan mencegah dari melakukan kejahatan. Nilai Islam juga boleh difahami menerusi penjelasan konsep-konsep seperti amalan baik dan perbuatan jahat, pahala dan dosa, syurga dan neraka. Konsep-konsep umum yang lahir dari budaya masyarakat Melayu tradisional telah disesuaikan dengan amal kebaikan (makruf) dalam ajaran Islam. Kemungkinan terdapat nilai-nilai dalam agama-agama lain atau ajaran-ajaran lain selaras dengan nilai hidup masyarakat Melayu yang tidak bercanggah dengan agama Islam.

Unsur-unsur yang dipopularkan oleh kerajaan Malaysia pada masa kini seperti hidup berdisiplin, kerajinan bekerja, semangat kejiranan, menjaga kebersihan, meningkatkan tradisi keilmuan menerusi penyelidikan, penulisan dan kerajinan membaca, mengembalikan maruah bangsa, berdikari, kepimpinan melalui teladan, bersih, cekap dan amanah, dan berbagai-bagai lagi konsep yang dicipta adalah merupakan unsur-unsur penting yang cuba diterapkan ke dalam masyarakat Malaysia untuk dijadikan sebagai garis panduan dalam proses membangunkan satu bangsa Malaysia yang maju dan bermaruah. Himpunan dari semua konsep ini mencerminkan falsafah hidup masyarakat Malaysia moden yang dipandu oleh pemimpin-pemimpin yang berjiwa besar, bercita-cita tinggi dan mempunyai pandangan yang jauh ke hadapan, pemimpin yang sentiasa menyeru pengikutnya untuk membina satu bangsa Malaysia yang bersatu padu walau apapun cabaran dan rintangan yang terpaksa dihadapi.

Namun, bagi golongan yang tidak mempunyai kekuatan agama menyebabkan mereka sering terjebak dengan perlakuan yang tidak bermoral. Dalam cerpen *Ulang Tahun Ke-3*, pengarang memaparkan gaya kehidupan seorang pegawai tinggi Melayu bandar yang suka hidup hipokrit, berpura-pura patuh dan bertanggungjawab kepada keluarganya tetapi mempunyai perempuan simpanan di luar rumah untuk kepuasan hawa nafsunya.

"Segala macam kesenangan dalam hidup ini telah dikecapinya dan tidak pernah sekalipun cita-citanya gagal. Dia mempunyai isteri dan anak. Dia mempunyai kekasih di luar rumah yang sudah bertahun-tahun lamanya. Apabila dia memerlukan

kekasihnya itu, maka disuruhnya suami kekasihnya itu membuat kerja di luar kota satu atau dua minggu lamanya. Isterinya sendiri tidak pernah menaruh curiga terhadap kekasihnya itu, yang dianggap *a friend of the family...*"

Begitu juga dalam perubahan nilai dan budaya penghidupan orang Melayu seperti yang digambarkan dalam cerpen *Dirinya yang Hilang*, yang menidakkan pakaian kebangsaan di dalam majlis-majlis rasmi tetapi lebih mengutamakan pakaian *Lounge Suit* merupakan suatu kesedaran kolektif yang wujud dalam masyarakat. Ini seperti yang diperjelaskan oleh Goldmann (1980) bahawa kesedaran kolektif itu telah menjadi pendorong untuk menentukan budi berdasarkan kepada hakikatnya, bahawa seseorang itu tidak dapat hidup secara sendirian dalam kelompok dan masyarakat. Kelompok yang digambarkan oleh pengarang dalam *Ulang Tahun Ke-30* dan beberapa cerpen lain dalam *Kota ke Kota* ini seperti *Pengemis dan Anjing, Dirinya yang Hilang* dan *Bertemu dalam Kehilangan* merupakan gambaran kelompok masyarakat Melayu yang saling memerlukan antara satu sama lain untuk sama-sama berusaha membina pembangunan sosial yang seimbang.

Bagi mengisi keperluan kepada orang lain, iaitu anggota-anggota kelompok sekitarnya, seseorang itu terpaksa membina dan memberikan kesedaran tentang budaya dan nilai norma masyarakat. Budaya penting sebagai alat kemajuan atau pembangunan bangsa dan negara. Proses pembangunan negara yang pesat sekarang pasti akan membawa kepada perubahan kepada sistem nilai, perlakuan dan institusi masyarakat Malaysia seperti yang digambarkan dalam antologi *Kota ke Kota* yang terangkum dalam pemikiran *worldview* Abdullah Hussain membina pembangunan sosial masyarakat. Perubahan tanpa mengambilkira soal kesinambungan dan perubahan dalam kehidupan budaya dan masyarakat Melayu akan menimbulkan masalah kesenjangan budaya atau *cultural gap*, atau masalah *residual behaviour* atau *dysfunctional social habit* yang berpanjangan (Wan Abdul Kadir, 1994: 106). Masalah ini boleh muncul kerana perkembangan perindustrian dan persejagatan yang berlaku kini telah, dan akan mempercepatkan proses perubahan ekonomi, institusi dan struktur yang lebih pesat berbanding dengan darjah perubahan yang berlaku pada sikap, nilai, norma dan pola perlakuan dalam masyarakat Malaysia.

KESIMPULAN

Dalam perubahan terhadap nilai dan budaya penghidupan orang Melayu, teras kesedaran kolektif terhadap agama Islam menjadi landasan membina *worlview* Abdullah Hussain membina pembangunan sosial dalam kelompok masyarakat. Keperluan sosial bukan sahaja untuk keharmonian sosial tetapi juga penting kepada pembinaan kebajikan yang dapat memberikan kebaikan bersama kepada semua anggota kelompok masyarakat sebagaimana yang tergambar dalam antologi cerpen *Kota ke Kota*.

Semua perlakuan yang ditentukan nilai-nilai sosial itu dipupuk bukan sahaja untuk mengisi keperluan secara luaran dalam kedudukan seseorang dalam masyarakat. Tetapi yang pentingnya nilai-nilai itu dibina secara dalaman, yang timbul dari rasa ikhlas dan kemurnian hati. Ini pula diperkukuhkan berlandaskan kepada kehendak-kehendak agama yang merupakan pembinaan secara dalaman. Islam merupakan asas penting kepada pembentukan nilai dan norma masyarakat Melayu dan menentukan penghidupan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Karya *Kota ke Kota* merakamkan kehidupan dan realiti yang mencerminkan pandangan dunia (*worldview*) pembangunan sosial masyarakat mengikut zamannya. Ini mempunyai ketetapan dengan prinsip pandangan dunia yang dikemukakan oleh Goldmann (1980 : 112) bahawa seseorang pengarang cuba memperlihatkan karya-karyanya merupakan kesedaran

kelompok di mana pengarangnya berada sebagai salah seorang dari anggota sosial dalam kelompok sosialnya.

RUJUKAN

Abdullah Hussain. (2011). Kota ke Kota. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Khas Sasterawan Negara. Pertemuan Abadi Koleksi Terpilih Abdullah Hussain. 2000. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Faruk. H.T. (2001). *Beyond Imagination*: Suara Mutakhir dan Ideologi. Yogyakarta: Pustaka Gama Media

Goldmann, Lucien. (1975). Towards a Sociology of the Novel. London: Tavistok Publication.

Goldmann, Lucien. (1980). Essay on Method in the Sociology Literature. St. Louis: Telos Press.

Yaacob Harun. (2001). Kosmologi Melayu. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Watson, George. (1979). The Study of The Novel. London: MacMillan.

Wan Abdul Kadir. (1994). *Nilai dan World-view Orang Melayu*. Kota Bharu dan Petaling Jaya : Masfami Enterprise.

Zeti Aktar Jaffar (peny). (2008). *Abdullah Hussain dalam Esei dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

www.scribd.com/.../Pembangunan-Sosial-Dalam-K www.fppsm.utm.my/.../28-pembangunan-sosial-5 pmr.penerangan.gov.my/.../241-dasar-pembangun... www.scribd.com/.../Pembangunan-Sosial-Di-Malaysia